

02/02/2003

Perak utamakan calon tempatan, wanita

IPOH: Perak akan memberi keutamaan calon anak tempatan termasuk menampilkan lebih ramai wanita dan mereka yang berpendidikan agama bagi bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata jika khidmat calon luar atau import terpaksa digunakan, calon berkenaan mestilah lebih 'istimewa' dan berwibawa berbanding calon tempatan.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, calon luar juga boleh memberikan kemenangan kepada BN jika mereka memiliki keistimewaan termasuk kalangan pemimpin penting peringkat nasional.

Katanya, perkara itu dibuktikan dengan kemenangan beberapa pemimpin termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di kawasan masing-masing walaupun bukan calon anak tempatan.

Perkara penting, katanya, semua pemimpin menjaga peribadi masing-masing kerana BN memerlukan calon yang bersih ketika pembangkang agresif bergerak.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mengakui kini agak sukar meletakkan calon bukan anak tempatan di sesuatu kawasan pilihan raya kerana sikap kenegerian atau kedaerahan yang menebal.

Perdana Menteri dilaporkan berkata pemilihan calon bukan anak tempatan dikatakan tidak begitu menepati selera pengundi di kawasan itu.

Tajol Rosli berkata, penolakan calon bukan orang tempatan sebenarnya bukan sahaja berlaku dalam politik tetapi turut membabitkan pegawai kerajaan tertentu seperti pegawai daerah.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat Perak supaya berfikiran terbuka.

Di JOHOR BAHRU: Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Johor bersikap terbuka dalam menentukan calon pilihan raya kerana ia mengambil kira pelbagai faktor termasuk menilai dari segi prestasi perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau berkata, ini kerana ramai di kalangan wakil rakyat negeri ini pada pilihan raya lalu bukan anak tempatan, tetapi masih boleh menjadi calon dan bertanding.

"Pendekatan kita tidaklah terlalu tertutup. Kita mengambil kira pelbagai aspek termasuk anak tempatan. Begitu juga kemampuan ia berkhidmat kepada masyarakat dan mesra rakyat.

"Sebab itu, calon dari luar negeri ini juga diambil untuk bertanding pada pilihan raya. Pun begitu, kita tidak mengetepikan faktor anak tempatan sebagai kriteria pemilihan calon pada pilihan raya," katanya.

Abdul Ghani mengakui faktor anak tempatan tetap relevan dalam menentukan calon pilihan raya, namun ia bukan satu-satunya faktor penentu kepada keputusan yang akan dibuat.

"Kita mengakui sejak kebelakangan ini faktor anak tempatan nampak lebih mudah diterima. Tapi ia bukan faktor penentu kerana negeri ini tidak mengamalkan sikap terlalu tertutup," katanya.